

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH  
(SETIU)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan terkini rundingan cadangan untuk menyelaraskan umur pengeluaran wang KWSP kepada 60 tahun.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP telah melaksanakan rundingan awam bermula pada 21 April 2015 hingga 5 Mei 2015 bagi mendapatkan maklum balas ahli mengenai cadangan untuk menyelaraskan umur pengeluaran wang KWSP kepada 60 tahun dan inisiatif lain bagi mempertingkatkan perkhidmatan semasa KWSP.

Di dalam rundingan awam tersebut, ahli KWSP diberi pilihan terhadap penyelarasan umur pengeluaran penuh dengan umur persaraan minimum yang ditetapkan oleh Kerajaan dan hasil rundingan mendapat maklum balas yang menggalakkan. Keputusan rundingan menunjukkan sokongan terhadap pilihan mengekalkan pengeluaran penuh pada umur 55 tahun.

Kerajaan juga pada 23 April 2015 telah mengumumkan bahawa umur pengeluaran penuh simpanan ahli dikekalkan pada 55 tahun manakala caruman baru bagi ahli yang masih bekerja selepas umur 55 tahun boleh dikeluarkan pada umur mereka 60 tahun.